



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## MAJLIS PELANCARAN PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SABAH BAGI PAKEJ PUTATAN – INANAM

**PUTATAN, SABAH** : YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, hari ini merasmikan majlis pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah bagi pakej Putatan ke Inanam. Majlis turut dihadiri YAB Datuk Seri Panglima Musa bin Haji Aman, Ketua Menteri Sabah dan YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia.

Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah bagi pakej Putatan ke Inanam sepanjang 19.6 km dengan kos pembinaan sebanyak RM 900 juta ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan jajaran yang akan merentasi bandaraya Kota Kinabalu, atau juga dikenali sebagai Jalan Raya Pesisir Luar Kota Kinabalu. Secara keseluruhan, pembinaan jajaran ini akan meyakinkan kerja menaiktaraf jalan daripada dua lorong dua hala (*single carriageway*) kepada empat lorong dua hala (*dual carriageway*). Ia juga melibatkan pembinaan 3 jambatan baru, iaitu jambatan Sg Moyog 1, 2 dan 3 selain daripada pembinaan 2 jejantas pejalan kaki, 10 persimpangan *U-turn* dan 4 perhentian bas.

Apabila siap kelak, jalan ini akan menyediakan akses perhubungan darat yang selesa dan cekap terutama 700,000 penduduk di sekitar Kota Kinabalu. Ianya juga akan merancakkan pertumbuhan ekonomi penduduk setempat dengan pembukaan kawasan baharu di sepanjang jajaran ini. Seterusnya, perhubungan ini akan memudahkan urusan logistik dan pasaran hasil pertanian di daerah Inanam dan juga melonjakkan aktiviti pelancongan di daerah Putatan, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui kedua-dua industri tersebut di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dilaksanakan melalui model Project Delivery Partner (PDP) oleh Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. (BHP) yang telah dilantik sebagai rakan pelaksana projek untuk memastikan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dilaksanakan berdasarkan petunjuk prestasi utama (*key performance indicator – KPI*) yang dipersetujui Kerajaan.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**18 NOVEMBER 2017**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my